

# MENANGI HADIAH WANG TUNAI!

berjumlah

## RM 20,007

## Cara mudah untuk menambah kekayaan Laburlah dalam unit amanah

Penilaian simpanan dahulu tidak akan menentukan penilaian di masa hadapan.  
Nilai unit kepunyaan anda mungkin akan turun dan naik.

# Baca & MENANG

### HADIAH MINGGUAN

Pertama @ RM505 – Kedua @ RM303 – Ketiga @ RM101

### HADIAH UTAMA

Pertama @ RM5,055 – Kedua @ RM3,033 – Ketiga @ RM1,011

## MINGGU 7 Katakan Tidak Kepada Pengaturan Masa

Konsep "beli murah, jual mahal" nampak mudah untuk dilaksanakan tetapi ramai pelabur mendapati hampir mustahil untuk mengenalpasti kenaikan dan penurunan pasaran dengan tepat dan konsisten. Oleh itu guru-guru pelaburan telah menasihati para pelabur untuk meletakkan sejumlah wang yang tetap ke dalam unit amanah mengikut kekerapan tertentu tanpa menghiraukan keadaan pasaran daripada mengatur masa. Ini dinamakan pemurataan kos ringgit atau "dollar cost averaging" (DCA).

Bagaimanapun, DCA tidak dapat menjamin keuntungan atau melindungi para pelabur dari mengalami kerugian di dalam pasaran yang sedang merosot. Apabila menggunakan pendekatan DCA, jumlah yang dilaburkan di dalam unit amanah sentiasa sama. Para pelabur akan mendapat lebih unit apabila harga rendah dan mendapat kurang unit apabila harga tinggi.

Kebaikan DCA adalah para pelabur akan mempunyai harga unit amanah yang berbeza yang di beli pada peringkat yang berbeza dalam sesuatu pusingan pasaran, dengan demikian akan mengurangkan kos purata dari portfolio pelaburan mereka. Dengan cara demikian apabila pasaran melambung, pelaburan mereka boleh menghasilkan keuntungan yang memuaskan. Apabila DCA diamalkan, ia mengurangkan keinginan pelabur untuk membeli tabung "terhangat" untuk bulan tertentu secara banyak. Semasa memutuskan untuk membeli atau menjual unit amanah, pelabur harus memberi lebih perhatian kepada objektif jangka panjang dan profil risiko daripada dipengaruhi oleh sentimen dan pusingan pasaran.

## MINGGU 7 Borang Penyertaan. Lengkapkan soalan dengan tepat dan menangi hadiah WANG TUNAI!!!

**1** Faedah DCA apabila melabur di dalam unit amanah adalah \_\_\_\_\_.

- A. berusaha mengurangkan kos purata pelaburan  
 B. keuntungan dijamin  
 C. ia memaksimumkan pulangan

**2** DCA adalah teknik \_\_\_\_\_.

- A. melabur jumlah tetap mengikut kekerapan tertentu  
 B. membeli lebih banyak unit semasa harga rendah  
 C. melawan inflasi

**3** Pernyataan manakah yang BENAR mengenai DCA?

- A. ianya bagus semasa pasaran stail  
 B. ia menanam proses pelaburan yang berdisiplin  
 C. ia harus dipraktikkan selama 2 tahun sahaja

### Butir-Butir Peserta

Nama : \_\_\_\_\_ (mengikut K/P)

Umur : \_\_\_\_ No.KP : \_\_\_\_\_ (Baru)

Alamat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Untuk dihubungi : \_\_\_\_\_ (rumah)

\_\_\_\_\_ (pejabat)

\_\_\_\_\_ (t/bimbit)

Stesen radio yang saya gemari ialah:

- Mix fm     My fm     Era fm  
 Lite fm     98.8 fm     Sinar fm

### Syarat-syarat & Peraturan Peraduan

- Tempoh peraduan bermula dari 3 September 2007 hingga 26 November 2007 dan ianya adalah anjuran Persekutuan Pengurus-Pengurus Unit Amanah Malaysia (FMUTM).
- Penyertaan adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas kecuali kakitangan FMUTM, Syarikat Pengurusan Unit Amanah (UTMC), Agen Unit Amanah Berinstitusi (UTA), Mereka yang berurusan dengan Unit Amanah (PDU), Agensi pengiklanan atau promosi dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka.
- Peserta dikehendaki menandakan  pada jawapan yang betul.
  - UNTUK HADIAH MINGGUAN** > Hantarkan jawapan yang lengkap dalam masa 7 hari tidak termasuk hari peraduan di iklankan.
  - UNTUK HADIAH UTAMA** > Kumpul dan hantarkan kesemua 12 borang penyertaan sebelum 26 November 2007. Peserta yang telah menghantar 12 borang penyertaan pada setiap minggu juga akan layak untuk memenangi hadiah utama tertakluk pada para 5 and para 6(b).
- Salinan fotostat borang penyertaan juga diterima dan peserta digalakkan untuk menghantar seberapa banyak penyertaan.
- Setiap peserta hanya akan memenangi satu hadiah sahaja.
- Pengadilan adalah seperti berikut:
  - PEMENANG MINGGUAN** > hanya layak kepada penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya kemudian diberi satu nombor berseri. Pemilihan akan dibuat

berdasarkan jumlah penyertaan yang layak pada minggu tersebut dan kemudian akan dibahagi tiga (jumlah hadiah mingguan).

Contoh : Sebanyak 20,007 penyertaan diterima tetapi hanya 2,077 penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya. Oleh itu hanya 2,077 penyertaan yang akan diberi nombor berseri. Formula >  $2,077 \div 3 = 692.33$ .

Ini bermakna hadiah pertama akan dimenangi oleh penyertaan yang nombor berserinya 692, hadiah kedua kepada nombor berseri 1,384 (692 x 2) dan hadiah ketiga kepada nombor berseri 2,076 (692 x 3).

b) **PEMENANG HADIAH UTAMA** > hanya layak kepada penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya untuk 12 minggu berturut-turut. Cara pemilihan adalah sama seperti pemilihan pemenang mingguan.

- Penyertaan yang lengkap hendaklah dihantar ke:  
**The "Invest in Unit Trusts" Contest - Minggu 7**  
Federation of Malaysian Unit Trust Managers  
19-07-3, 7th Floor, PNB Damansara  
No. 19, Lorong Dungan  
Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur